

## Lawatan Ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016

لاوتن ك فيستا بوكو انتارابغسا كوالا لومفور 2016



### Pesta Buku Antarabangsa **KUALA LUMPUR** International Book Fair 2016

Menjulang ilmu ke mercu gemilang, di...  
**maeps**  
Malaysia Agro Exposition Park Serdang

Unit Perpustakaan menganjurkan lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2016) pada 3 Mei 2016 bertempat di MAEPS Serdang. Seramai 20 staf KMM terlibat dengan program ini yang mana ianya dijalankan semasa cuti semester. PBAKL 2016 kali ini diadakan di MAEPS Serdang berbanding lokasi pengajuannya sebelum ini iaitu di PWTC, Kuala Lumpur. Dengan program sebegini, staf KMM dapat membuat pilihan dan membeli koleksi buku yang diminati dengan harga diskaun yang ditawarkan oleh pembekal buku.



## Kursus Berpasukan Kumpulan Pelaksana

كورسوس برقاسوكن كومقولن قلقسان

Unit Pentadbiran KMM telah menganjurkan Kursus Berpasukan Kumpulan Pelaksana pada 11 – 13 Mei 2016. Seramai 85 staf sokongan telah terlibat dengan kursus tiga hari berkenaan. Pada hari pertama, kursus diadakan di pantai Pengkalan Balak yang mana ianya banyak melibatkan aktiviti sukaneka dan santai.



Antara aktiviti yang dijalankan semasa di pantai Pengkalan Balak.



Gelagat peserta dalam aktiviti berebut kerusi yang diselenggarakan oleh Unit Pentadbiran KMM.



Aktiviti senamrobik yang dijalankan di Dewan Utama di bawah kelolaan Unit Kokurikulum KMM.



Aktiviti gotong-royong dijalankan di Unit Perpustakaan.



# Laman Web Baharu Unit Perpustakaan

## لامن ويب بهارو اونيت فرقوستاكان

Unit Perpustakaan telah mewujudkan satu laman web baharu Unit Perpustakaan bagi memudahkan pelajar, pensyarah dan staf mendapatkan maklumat aktiviti dan koleksi terkini perpustakaan. Laman web tersebut boleh dilayari melalui pautan laman web KMM atau <https://sites.google.com/a/kmm.matrik.edu.my/kmmlibrary/>




### PERPUSTAKAAN KOLEJ MATRIKULASI MELAKA

- Utama
- Selamat Datang ke Portal Perpustakaan KMM
- ▼ Direktori Staf
  - Pegawai & Staf
- Perkhidmatan & Kemudahan
- Takwim Perpustakaan
- Koleksi Perpustakaan
- Sinopsis Buku Pilihan
- ▼ Penerbitan Perpustakaan
  - Buletin & Bingkisan Perpustakaan
- Hubungi Kami

QR Code



### Selamat Datang ke Portal Perpustakaan Zaaba KMM



#### MENGENAI PERPUSTAKAAN

Unit Perpustakaan, Kolej Matrikulasi Melaka mula beroperasi serentak dengan pembukaan Kolej ini iaitu pada tahun 1999. Unit Perpustakaan menduduki bangunan sendiri berkongsi dengan Unit Sains Komputer dan Makmal Bahasa, Kolej Matrikulasi Melaka. Kapasiti pengguna pula adalah 600 orang pada satu-satu masa. Mulai sesi 2016/2017, Perpustakaan

#### Pekeliling KPM

- [Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia](#)
- [Bilangan 6 Tahun 2016 - Penukaran Nama Pusat Tingkatan Enam Mod 1 Kepada Kolej Tingkatan Enam](#)

## Majlis Perpisahan Penolong Pustakawan & Pembantu Perpustakaan

### مجلس فرقيسهن فنولوج فوستاكان دان قمبنتو فرقوستاكان



Unit Perpustakaan telah mengadakan satu majlis ringkas bagi meraikan Puan Yumila Ishak, Penolong Pustakawan Gred S27 yang bertukar ke Perpustakaan Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka dengan gred yang sama dan En. Mohamad Khairul Ramli, Pembantu Perpustakaan S17 yang menjawat jawatan baharu sebagai Penolong Pustakawan Gred S27 di Perpustakaan Institut Latihan dan Kefahaman Islam (ILMI), Port Dickson bermula pada 16 Jun 2016. Semoga dengan kemahiran dan pengalaman yang ada, kedua-duanya dapat menguruskan perpustakaan di organisasi baharu dengan jayanya.





# Pameran dan Jualan Buku 1 قاميرن دان جوالن بوكو سيري 1



Sempena kemasukan pelajar baharu sesi 2016/2017, Unit Perpustakaan menganjurkan Pameran & Jualan Buku pada 20-21 Jun 2016 bertempat di aras bawah, Perpustakaan. Pemilihan tarikh berkenaan dilakukan bagi memberi peluang kepada pelajar baharu mendapatkan buku rujukan Matrikulasi dan minggu tersebut juga sesi P&P belum bermula. Sebanyak empat pembekal buku sekitar Melaka dijemput untuk mengadakan jualan buku kepada pelajar baharu.



## Program Derma Darah anjuran Unit Kemahiran Dinamika قروگرام درما داره انجورن اونيت كماهيرن ديناميك

Tuan Pengarah, Hj. Kamarudin bersama En. Alimi dan En. Mustafa semasa program berlangsung.



Semua pelajar tanpa mengira bangsa turut menyumbangkan darah dalam usaha memastikan bekalan darah Hospital Melaka mencukupi.

Unit Kemahiran Dinamika KMM dengan kerjasama Hospital Melaka telah menganjurkan Program Derma Darah pada 24 Jun 2016 bertempat di aras bawah Perpustakaan. Program tahunan kali ini diadakan pada bulan Ramadhan dan ianya bermula dari jam 8.00 malam sehingga jam 12.00 tengah malam. Pihak hospital menetapkan sasaran sebanyak 250 beg darah dapat dikumpulkan dalam program ini. Tuan Pengarah, Hj Kamarudin bin Mansur juga turut meluangkan masa melihat dan beramah mesra dengan para pelajar yang terlibat sebagai penderma darah pada malam tersebut. Pengerusi program ini iaitu En. Alimi Mat Said dan penyelarasnya, En. Mustafa Kamil bin Sulaiman serta AJK program yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Unit Kemahiran Dinamika telah berjaya melaksanakan program tersebut sehingga jam 1.00 pagi!



Antara pelajar yang menderma darah kelihatan pada malam tersebut.



Sebanyak 26 katil disediakan oleh pihak hospital bagi memastikan sasaran 250 beg darah tercapai.






# Pertandingan Keceriaan 'KMM Work Station 2016'

## فرتنديغن كچريءن KMM وورق ستاتياون 2016

Jawatankuasa Kerja Amalan 5S KMM telah menganjurkan Pertandingan Keceriaan 'KMM Work Station 2016' pada 23 Mei – 2 Jun 2016. Pertandingan ini dizahirkan atas cetusan idea oleh Ketua Jabatan Matematik selaku Timbalan Pengerusi J/Kuasa Amalan 5S semasa mengadakan perbincangan bersama Pustakawan (Penyelaras ) dan Ketua Pembantu Makmal (Setiausaha) untuk membudayakan amalan 5S di kalangan warga KMM. Bersesuaian dengan minggu asimilasi tenaga pengajar selama dua minggu, kesempatan ini digunakan sebaik-baik mungkin untuk menyemarakkan kembali amalan 5S. Sebanyak lapan work station dan dua zon dinilai oleh seramai 66 panel penilai yang terdiri daripada pensyarah dan staf sokongan. Tempoh persediaan adalah bermula dari 23- 30 Mei manakala penilaian oleh panel penilai bermula dari 31 Mei – 2 Jun 2016. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah dalam perhimpunan Pensyarah dan Staf pada 24 Jun 2016 bertempat di Dewan Al-Biruni (DK1). Secara keseluruhannya, pertandingan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan yang positif kepada warga kerja KMM untuk mengamalkan dan membudayakan amalan 5S di unit masing-masing.



## فكاواي دان ستاف اونيت فرقوستاكان مغوچقكن



وَقَدْ وَرَكَ كَوْلِيْج مَاتْرِيْكُولْسِي مَلَاك



## وَقَدْ وَرَكَ كَوْلِيْج مَاتْرِيْكُولْسِي مَلَاك